U 0840 OEB
MAHATHIR - BERSEMUKA a a a

KUALA LUMPUR, 17 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN GUA MUSANG TENGKU RAZALEIGH HAMZAH HARI INI +BERSEMUKA+ SECARA KEBETULAN DI BANGUNAN PARLIMEN.

PERISTIWA ITU BERLAKU DI RUANG LEGAR PETANG INI APABILA TENGKU RAZALEIGH YANG DIKERUMUNI WARTAWAN BERTEMBUNG DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG KEBETULAN SEDANG BERJALAN MENUJU TANGGA UNTUK PULANG.

MELIHAT DATUK SERI DR MAHATHIR LALU DI SITU, TENGKU RAZALEIGH MENYAPA SECARA BERSELOROH; +KENYATAAN DATUK SERI TELAH MENIMBULKAN BANYAK MASALAH.+

+ITU BUKAN KENYATAAN SAYA, ITU KENYATAAN PARTI,+ JAWAB DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO DENGAN SENYUM LEBAR.

KENYATAAN YANG DIMAKSUDKAN IALAH YANG DIBUAT OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR SABTU LALU BAHAWA MAJLIS TERTINGGI UMNO MEMBUAT KEPUTUSAN SUPAYA DIADAKAN PERTEMUAN ANTARA DATUK SERI DR MAHATHIR, TIMBALAN PRESIDEN ENCIK GHAFAR BABA DENGAN TENGKU RAZALEIGH DAN BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM.

MESYUARAT MT ITU JUGA MEMUTUSKAN UNTUK MEMBUKA KEANGGOTAAN PARTI ITU KEPADA SEMUA ORANG MELAYU TERMASUK KUMPULAN 11 YANG TELAH MEMBAWA UMNO LAMA KE MAHKAMAH SEHINGGA PARTI ITU DIISYTIHARKAN TIDAK SAH. -- LAGI.

2032MST 17 10 88

0929

U 0841 OEB
MAHATHIR - BERSEMUKA 2 KUALA LUMPUR a a a

SEHINGGA INI TENGKU RAZALEIGH BELUM MEMBERI JAWAPAN RASMI KEPADA PELAWAAN UNTUK MENGADAKAN PERTEMUAN ITU YANG BERTUJUAN MEMBINCANGKAN PERPADUAN ORANG MELAYU.

TENGKU RAZALEIGH DAN DATUK MUSA HITAM YANG HADIR PADA PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT HARI INI MENJADI TUMPUAN WARTAWAN TEMPATAN DAN ASING.

DATUK MUSA, ANGGOTA PARLIMEN KOTA TINGGI, KETIKA DITANYA BERKALI-KALI OLEH WARTAWAN TENTANG JAWAPANNYA KEPADA PELAWAAN ITU, BERKATA;

+TUNGGULAH SEHINGGA HARI JUMAAT (SELEPAS KEPUTUSAN PILIHAN RAYA KECIL NEGERI JOHOR KAWASAN PARIT RAJA).+ -- BERNAMA.

2033MST 17 10 88